

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful perubatan dan kesihatan **PruBSN Cegah Famili** anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

Tarikh: 15 November 2025

*PDS ini menunjukkan **contoh** untuk seorang lelaki sihat berumur 30 tahun (umur pada hari lahir akan datang) tidak merokok, dengan Jumlah Dilindungi sebanyak RM100,000. Sila rujuk kepada **Soalan Lazim** untuk contoh sumbangan.*

1 Apakah PruBSN Cegah Famili?

PruBSN Cegah Famili adalah produk patuh Syariah. Ia adalah pelan takaful berkelompok bertempoh yang menyediakan perlindungan terhadap Kematian dan 43 Penyakit Kritikal yang dilindungi sehingga umur luput tujuh puluh lima (75) tahun.

Pelan ini ditawarkan khas kepada ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berumur sembilan belas (19) hingga enam puluh lima (65) tahun hari lahir akan datang. Pelan ini disertakan dengan pilihan buat Ahli KWSP untuk melanjutkan perlindungan kepada pasangan dan/atau anak(-anak) dimana Ahli KWSP ialah Pemegang Sijil bagi sijil tanggungan mereka.

Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) adalah Pemegang Sijil Induk dan Ahli KWSP adalah Pemegang Sijil untuk pelan ini.

Konsep Syariah yang berkenaan dibawah PruBSN Cegah Famili

- **Ta'awun:** Apabila anda menyumbang ke dalam Dana *Tabarru'* untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
- **Wakalah bi al-ujrah:** Apabila anda melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana bagi pihak anda dengan bayaran upah, serta yuran prestasi daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana *Tabarru'*.

*Nota: Keterangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.*

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat-manfaat anda?

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 216** bagi tahun sijil pertama, dengan **Jumlah Dilindungi (SC) sebanyak RM 100,000**, anda akan menerima **manfaat perlindungan** takaful perubatan dan kesihatan berikut:

Manfaat-manfaat		Jumlah Dilindungi
Manfaat Kematian		Sehingga SC, RM 100,000
Manfaat Penyakit Kritikal	Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	Minimum antara: - 10% daripada SC, RM 100,000 atau - RM25,000
	Lain-lain Penyakit Kritikal tersenarai	Sehingga SC, RM 100,000

Senarai 43 Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Penyakit Kritikal.

1. Strok / Angin Ahmar	12. Kelumpuhan Anggota	22. Hilang Keupayaan Bertutur	34. Pembedahan Aorta
2. Serangan Jantung	13. Buta	23. Pembedahan Otak	35. Sklerosis Multipel
3. Kegagalan Buah Pinggang	14. Pekak	24. Pembedahan Injap Jantung	36. Hipertensi Arteri
4. Kanser	15. Kelecuran Tahap Ketiga	25. Penyakit Terminal (Membawa Maut)	37. Penyakit Sistik Medular
5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	16. Jangkitan HIV Melalui Tranfusi Darah	26. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	38. Kardiomiopati
6. Penyakit Arteri Koronari Serius	17. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan	27. Meningitis Bakteria	39. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Buah Pinggang Yang Teruk
7. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	18. AIDS Dengan Gejala Penuh	28. Trauma Kepala Major (Teruk)	40. Skleroderma Progresif
8. Kegagalan Hati Tahap Akhir	19. Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	29. Anemia Aplastik Kronik	41. Pankreatitis Kronik Berulang
9. Hepatitis Viral Fulminan	20. Ensefalitis	30. Penyakit Neuron Motor	42. Poliomielititis
10. Koma	21. Transplan Organ Utama / Sumsu Tulang	31. Penyakit Parkinson	43. Sindrom Apalik
11. Tumor Otak Benign		32. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	
		33. Distrofi Otot	

Nota:

- *Amaun berbayar semasa tuntutan ialah secara sekaligus, ditolak sebarang amaun tertunggak kepada PruBSN.*
- *Manfaat Penyakit Kritikal akan mengurangkan Manfaat Kematian.*
- **Tempoh Perlindungan:** Boleh diperbaharui setiap tahun sehingga umur Ahli yang Dilindungi tujuh puluh lima (75) tahun.
- *Penerangan mengenai perlindungan dan manfaat di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.*

Produk Takaful perubatan dan kesihatan anda mengecualikan:

Manfaat Kematian sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada bunuh diri, sama ada dalam keadaan waras atau tidak waras, dalam tempoh tahun pertama sijil.

Manfaat Penyakit Kritikal sekiranya Penyakit Kritikal disebabkan:

- sebarang Keadaan Sedia Ada.
- kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau adanya jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), kecuali "Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah", "Jangkitan HIV yang diperoleh melalui pekerjaan" dan "AIDS dengan Gejala Penuh".

*Nota: Keterangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:

 <p>Hubungi PruBSN di: 03 2775 7188</p>	 <p>Emel PruBSN di: customer@prubsn.com.my</p>	 <p>Lawati* PruBSN di: PruBSN Cegah Famili Prudential BSN Takaful</p>	 <p>Impas* kod QR untuk Soalan Lazim PruBSN Cegah Famili</p>
--	--	---	--

*Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan / kod QR

3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk sijil takaful perubatan dan kesihatan anda, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

Jumlah Sumbangan Takaful¹ RM 216.00 bagi tahun sijil pertama Tempoh: sehingga 75 tahun hari lahir akan datang

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (untuk keseluruhan tempoh pembayaran sumbangan):

Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan, termasuk	RM 17,720.46 atau 17% dari Jumlah Sumbangan RM 104,238.00
• Komisen	Tiada komisen dibayar untuk sijil takaful perubatan dan kesihatan ini.
• Perbelanjaan Pengurusan	RM 17,720.46 atau 17% dari Jumlah Sumbangan RM 104,238.00

Nota:

- Sumbangan pelan ini adalah tidak tetap dan akan berubah mengikut umur semasa Ahli yang Dilindungi yang akan datang serta perlu dibayar sepanjang tempoh perlindungan. Sumbangan bagi setiap Ahli yang Dilindungi mungkin berbeza bergantung kepada Jumlah Dilindungi yang dipilih, jantina, status merokok dan umur hari lahir akan datang. Sila rujuk Soalan Lazim untuk contoh sumbangan.
- Bayaran sumbangan bagi pasangan dan anak (jika ada) akan dibayar oleh Pemegang Sijil dan akan ditolak setiap tahun daripada Akaun KWSP Pemegang Sijil. Sumbangan yang telah ditolak daripada Akaun KWSP Pemegang Sijil dan dibayar kepada PruBSN akan dipaparkan dalam Penyata Akaun KWSP mereka. Adalah penting untuk Pemegang Sijil menyimpan Penyata Akaun KWSP sebagai bukti pembayaran sumbangan untuk rujukan masa hadapan.
- Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan adalah termasuk di dalam Jumlah Sumbangan Takaful yang dinyatakan di atas dan merangkumi perbelanjaan pengurusan PruBSN.
- Duti Setem RM10 dibayar sekali sahaja bagi setiap Sijil Induk. Pemegang Sijil atau Ahli yang Dilindungi tidak perlu membayar Duti Setem tambahan.
- Sumbangan, yuran dan caj yang dinyatakan di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

4 Terma-terma Utama Lain

- Kepentingan Pendedahan:** Pemegang Sijil mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan mesti menyatakan umur Ahli yang Dilindungi dengan betul apabila menjawab sebarang soalan daripada PruBSN. Jika sijil tersebut adalah sepenuhnya untuk tujuan peribadi, Pemegang Sijil mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua maklumat yang relevan dan tidak mengelirukan PruBSN. Kewajipan untuk membuat pendedahan akan sentiasa berterusan dan akan memerlukan Pemegang Sijil untuk memaklumkan kepada PruBSN tentang sebarang perubahan ke atas maklumat yang telah didedahkan atau sebarang maklumat baru yang relevan dengan sijil.
- Tempoh Tangguh:** Pemegang Sijil mempunyai tiga puluh (30) hari tempoh tangguh dari setiap tarikh sumbangan patut dibayar untuk membayar sumbangan sijil ini. Sekiranya Pemegang Sijil gagal membayar sumbangan dalam tempoh tangguh, sijil akan luput selepas tamat tempoh tangguh. Tiada pembaharuan dibenarkan setelah sijil luput.
- Sumbangan dan Tabarru' tidak Dijamin:** Sumbangan dan penolakan Tabarru' bagi pelan ini adalah tidak dijamin. Kami akan memberikan notis bertulis 90 hari sebelum sumbangan dan/atau penolakan Tabarru' yang disemak berkuat kuasa pada ulang tahun sijil yang berikutnya.
- Tempoh Menunggu:** Kelayakan untuk manfaat-manfaat di bawah sijil hanya akan bermula selepas tempoh menunggu berikut dari tarikh permulaan sijil, tarikh penguatkuasaan semula sijil atau tarikh pengendorsan, yang mana kemudian.

Manfaat	Syarat-syarat	Tempoh Menunggu
Penyakit Kritikal	Serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari yang serius, angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari dan kanser Semua penyakit kritikal lain yang dilindungi	60 hari 30 hari

Sekiranya anda menukar pelan semasa anda kepada pelan lain atau daripada satu penyedia kepada penyedia lain, anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaan baharu dan tempoh menunggu baharu bagi pelan yang baharu.

- Penamaan:** Pemegang Sijil dinasihatkan supaya menamakan penama untuk manfaat kematian bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar dan memastikan bahawa penama mengetahui tentang sijil ini. Sekiranya penamaan dibuat, manfaat akan dibayar terus kepada penama. Sekiranya tiada penama, manfaat akan dibayar kepada waris terdekat.

Nota: Keterangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, Pemegang Sijil boleh membatalkan sijil dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- Tempoh Rujukan Percuma:** Pemegang Sijil boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan terus kepada PruBSN dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil dihantarkan kepada Pemegang Sijil. PruBSN akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar bagi perlindungan takaful yang berkaitan dengan Ahli yang Dilindungi kepada Pemegang Sijil.
- Notis Bertulis:** Pemegang Sijil boleh membuat pembatalan perlindungan takaful selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan notis bertulis. Apabila perlindungan takaful Ahli KWSP dibatalkan, perlindungan takaful tanggungan (iaitu pasangan dan anak) dalam permohonan yang sama akan turut terbatal. Setelah perlindungan takaful diserahkan, PruBSN akan mengembalikan penolakan Tabarru' yang belum digunakan, jika ada, dinyatakan sebagai peratusan sumbangan tahunan semasa yang dibayar seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Bilangan Bulan*	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Penolakan Tabarru' yang belum diguna (% sumbangan tahunan semasa yang berbayar)	76.10%	69.20%	62.30%	55.30%	48.40%	41.50%	34.60%	27.70%	20.80%	13.80%	6.90%	0.00%

* dari Tarikh Berkuat Kuasa atau tarikh ulang tahun sijil (yang mana kemudian) Ahli yang Dilindungi.

Nota: Keterangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).